

DAP lantik firma perakaunan antarabangsa urus pemilihan CEC
Malaysian Insider
Sept 20 , 2013
OLEH DIYANA IBRAHIM

DAP hari ini mengumumkan pelantikan firma perakaunan antarabangsa bagi menguruskan pemilihan khas Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) yang akan diadakan pada 29 September ini.

Pegawai Pemilih CEC, Dr Ong Kian Ming, berkata firma PKF Accounts and Business Advisers dilantik sebagai auditor dan firma itu sudah memulakan tugas mengikut prosedur yang ditetapkan bagi pemilihan.

"Kerja dijalankan sebelum pemilihan diadakan dan pada hari itu nanti PKF akan memastikan pendaftaran delegasi, pengedaran kertas undi termasuk proses pengiraan dijalankan mengikut piawaian yang sah," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat DAP, Kuala Lumpur.

Sementara itu, Ketua Biro Guaman DAP, Gobind Singh, berkata mereka mempertikaikan tuduhan Pendaftar Pertubuhan (Ros) yang mendakwa DAP masih tidak mengikut syarat yang ditetapkan RoS.

"Kita tidak faham mengapa mereka masih menuduh kita walhal DAP lakukan semuanya mengikut apa yang ditetapkan oleh Ros, malah bila diajak untuk datang ke sini berbincang, tidak ada langsung jawapan," katanya.

Semalam, RoS mendakwa mereka masih menunggu DAP menghantar surat bagi memberikan sebab mengapa 500 delegasi tidak dapat menghadiri kongres dan pengundian parti pada 15 December 2012.

Gobind berkata, DAP akan memfailkan satu lagi dakwaan mahkamah menentang tuntutan injunksi Naib Pengerusi DAP Cawangan Ladang Paroi, Davis Dass bagi membatalkan CEC khas pada September ini atas alasan pemilihan itu tidak sah.

Katanya, tindakan David itu jelas melanggar Seksyen 18C Akta Pertubuhan 1966 iaitu tidak seharusnya melibatkan mahkamah bagi memutuskan hal berkaitan perlembagaan berkaitan parti politik.

"Oleh itu, kita mengambil keputusan untuk menentang kembali injunksi tersebut dengan menyertakan sekali dokumen perlembagaan parti sebagai bukti untuk dibawa ke mahkamah nanti," katanya.

Beliau berkata, kedua-dua kes itu kini dalam proses pendengaran sebelum dibawa ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur 25 September ini.

Sebelum ini, Davis menuduh pemilihan khas CEC pada September ini tidak mengikut peraturan serta bertentangan dengan perlembagaan parti.

David memfailkan injunksi tersebut pada 10 September lalu.

Selain itu, beliau menuntut pada tarikh tersebut satu mesyuarat kongres diadakan dan bukannya pemilihan CEC.

Pemilihan semula jawatankuasa pusat yang baru akan diadakan di sebuah hotel di Petaling Jaya, Selangor.

DAP akur untuk mengadakan pemilihan semula CEC bagi mengelakkan pembatalan parti tersebut atas arahan RoS pada 30 Julai lalu.

Sekurang-kurangnya 2,576 delegasi daripada 985 cawangan akan memilih 20 calon dalam pemilihan CEC.- 20 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-lantik-firma-perakaunan-antarabangsa-urus-pemilihan-cec>